

B.H 15 NOV 1993

Anak lelaki PM bernikah

Profile

KUALA PILAH, Ahad — Majlis perkahwinan anak Perdana Menteri, Mukhriz Mahathir dan pasangannya, Norzieta Zakaria, berlangsung meriah dalam satu upacara penuh adat istiadat Negeri Sembilan.

Mukhriz, 29, seorang ahli perniagaan, manakala pasangannya, Norzieta, 22, bekas eksekutif jualan di sebuah butik di Kuala Lumpur.

Majlis yang berlang-

sung di rumah pengantin perempuan di Kampung Ulu Beting, dekat sini, bermula dengan ketibaan pengantin lelaki pada jam 11.15 pagi tadi.

Ketibaan rombongan pengantin lelaki yang diketuai oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut dengan persembahan pasukan kompang dan cak lempung, iaitu sejenis muzik tradisional Negeri

Sembilan.

Pengantin lelaki kemudian naik ke atas rumah bagi upacara akad nikah dijalankan oleh Pegawai Agama Kuala Pilah, Musa Ibrahim, pada jam 11.30 pagi.

Selepas majlis makan, Perdana Menteri dan isteri serta tetamu kenamaan kemudian menepung tawar pengantin dalam adat mencecah inai yang sebelum itu didahului dengan persembahan pencak silat

dan tarian piring.

Turut menepung tawar ialah bapa pengantin perempuan, Zakaria Jundai, 62, seorang pesara polis, dan ibu pengantin perempuan, Juriah Ahmad, 57.

Antara yang hadir ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad serta isteri, Puan Sri Azizah Tunmin dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar.